

fail: adat1

Kanun Adat Luak Jelevu

Perlembagaan adat Jelevu tersirat dalam siratan yang tertera di bawah ini:

Pertama mencabut, kedua bertanam
Sah sekata, berkebulatan dato'-dato' nan delapan
Kata bercari kepada Lembaga Yang Tiga
Iaitu Dato' Mengiang, Dato' Cincang, Dato' Senara
Tali adat kepada Menteri, tali pesaka kepada Ombi
Sah batal surut lalu Undang kepada warisnya
Hidup mati kepada Undang:
Gemuk berpupuk segar bersiram kepada warisnya.

Bila waris Ulu Jelevu menjadi Undang
Dato' Raja Balang titian adat
Bila waris Sarin menjadi Undang
Dato' Paduka Menti tiatian adat
Bila waris Kemin menjadi Undang
Dato' Maharaja Inda titian adat

Bila rosak pesaka bertengok kepada Dato' Ombi
Bila rosak adat bertengok kepada Dato' Menteri
Patah tumbuh hilang berganti
Ganti hidup berkerelaan, ganti mati berkebulatan.

Untuk menjalankan pentadbiran adat adalah tugas masing-masing di dalamnya:

1. DATO' LEMBAGA YANG TIGA

Dato' Lembaga Yang Tiga ini mereka adalah dipilih oleh anak-anak buah dan buapak sukunya itu pula oleh anak buahnya, mengikut giliran 'perut'. Lembaga Yang Tiga berhak membuat aduan hal-hal anak buah dan adat, cadangan-cadangan dan memohon untuk pilihan Undang dan menjadi tanggungjawabnya sebagai 'kata bercari'. Dalam hal lain-lainnya semuanya mesti dibuatnya kepada Menteri sebagai 'Lunas Lembaga'. Ia mesti

memikirkan segala hal-hal yang datang dari Lembaga itu dan membawa perkara itu ke atas jika difikirkan bersesuaian dan baik. Ini adalah kerja dan kewajipan lembaga yang tiga selain daripada jadi 'Tua' pada segala sukunya itu.

2. DATO' MENTERI DAN DATO' OMBI

Dato' Menteri adalah 'pemangku' Alam Undang pada masa antara kemangkatan seorang Undang dan lantikan yang baru. Ia dibolehkan mengetahui berkenaan adat bersabit dengan bakal Undang dari Lembaga Yang Tiga untuk mengupas hal adat untuk lantikan Undang baru. Masa ada Undang ianya boleh membawa apa-apa hal adat dari Lembaga Yang Tiga ke pengetahuan Undang, sebagai kunci Undang ialah Menteri.

Tetapi Menteri tidak dibolehkan memaklumkan kepada Undang terus-terusan bersendirian, ia mesti melalui 'Titian Adat'. Dato' Ombi tali pesaka tempat berserempunya waris yang tiga memberi 'benih' bakal Undang. Ianya dibolehkan mengetahui fasal 'pesaka' sahaja dan bertanya kepada Lembaga Yang Tiga.

3. TITIAN ADAT

Titian Adat ialah 'Kepala Waris' yang menyandang pesaka Undang pada masa itu. Ia akan membawa apa-apa bawaan atau aduan adat atau persembahan Menteri ke pengetahuan Undang, dan jika perkaranya sangat berat, memanggil semua warisnya bersama. Waris Undang akan memikirkan sama ada mereka patut menyokong Undang berkenaan dengan hal yang diadukan, atau disorot dalam membuat satu-satu rancangan atau dasar sebagai 'gemuk berpupuk segar bersiram' atau membantunya jika difikirkan baik iaitu 'segar bersiram'. Kuasa 'Undang' itu adalah diawasi dan terhad, dihadkan dan dikuatkan oleh warisnya, dan dia juga ada pula kuasa 'pembatal'nya.

4. UNDANG LUAK JELEBU (KUASANYA)

Sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang, tiadalah orang lain yang mengatasi kuasa Undang itu. Hidup mati adalah kepada Undang, juga dalam hal lantikan seseorang pegawainya, ia hanya membuat rujukan memberitahu penerimaan sahaja di hadapan 'orang delapan'nya. Dengan kebulatan 'yang delapan' boleh seseorang itu dibunuh atau lainnya, disingkir atau diterima.

Inilah kuasa pembatalnya. Undang mempunyai banyak kebesaran dan ada mahkamah keadilan adatnya: 'di mana adat beratur bilang bertentu' dan dijalankan selalunya di Balai Panjangnya.

5. DATO' DELAPAN

Orang Delapan luak ini ialah 'kepala-kepala waris' dan suku-suku di sini iaitu dato'dato' yang memegang kuasa untuk menjalankan adat mengikut perlembagaannya, jikalau kebulatan telah didapati, lahulah. Jika belum, berunding dulu. Pada mereka terpulang keputusan akhir dalam perkara lantikan dan pemecatan di luak Jelevu. Mereka juga mesti dibawa berunding berkenaan dalam semua perkara pentadbiran dan dasar perjalanan adat. Pada satu masa dulu bilangan mereka adalah sepuluh kerana Dato' Raja Diraja dan Dato' Lela Angsa bersama-sama dalamnya.

Yang ada delapan sekarang itu mewakili ahli-ahli asalnya, oleh sebab Dato' Raja Diraja pun puncanya pecahan waris Sarin dan Dato' Lela Angsa adalah oleh sebab adanya dari nasab Yamtuan Jelevu dahulu, apabila hilang, ia pun hapus dari Balai Undang.

6. ADA PUN GAJAH TUNGGAL IALAH (UNDANG)

Yamtuan Jelevu itu pada masa adanya dulu hanyalah 'Tampuk Keadilan', seekor 'Ular Besar' diberi makan oleh Undang iaitu 'Gajah Tunggal'. Begitulah saluran perlembagaan adat luak Jelevu, dengan secara amalan (praktikal)nya atau kuatkuasanya yang orang Jelevu telah anuti hingga hari ini.

Bersirat-sirat dan berjalan-jalan dan banyak pecahan-pecahan tetapi penuh dengan kekayaan perbilangan dan peraturan yang berupa pepatah petiti dan peraturan, nilai kebudayaan dan kesenian yang masih praktikal, dan menyelamatkan manusia, bukan secara kuku besi, hingga ke hari ini adat ini diamalkan dengan berpanduan muafakat.

Senang sahaja jika disusur dasar adat itu tak berapa dihormati oleh orang sekarang yang menganggap dirinya progresif, hanya untuk pegangan lebih daripada amalan hari-hari ialah oleh sebab kepentingan kebendaan menjalar ke dalam jiwanya. Tetapi adat Perpatih yang dianggap usang oleh pemuda pemudi sekarang itu tetap boleh berkembang sampai bila-bila oleh sebab ianya mengutamakan muafakat yakni persesuaian yang sejati dari segala pihak, kerana setiap yang menggunakan kuasa kuku besi akan hancur juga.

akibatnya sebagaimana yang kita lihat dan dengan kerajaan dan negeri-negeri serta raja-raja besar di dalam dunia hari ini.

Rumusannya yang telah berjalan dan sedang berjalan dan akan dijalankan itu adalah bercorak demokrasi. Dengan memilih seorang wakil bagi tiap-tiap satu kaum atau suku maka suatu perlembagaan yang praktis boleh dijalankan kerana sesuatu kumpulan itu tiada boleh menguasai yang lain dengan berdasarkan bilangan kerana walau pun bilangannya banyak tetapi suara mereka adalah serupa dengan kumpulan yang ramai atau kecilnya iaitu satu sahaja.

Dengan inilah datangnya Kamun Adat iaitu "Undang Jelebu Berkeadilan dan Berlembaga". Pendek kata tiap-tiap kumpulan di dalam luak ini adalah diwakili dan dengan ini maka suara mereka dari semua golongan adalah kedengaran. Maka adalah diingatkan di sini bahawa cara memutuskan sesuatu perkara itu hendaklah dengan kebulatan, sebulat suara tidak dengan suara banyak atau ramai seperti yang pernah dijalankan di dalam pemerintahan demokrasi barat.

(Dipetik dari buku cenderamata 'Istiadat Tabal Undang Jelebu', 4 November 1967).